

18/08/1999

Sindrom 'tidak puas hati' dalam Wanita berakhir

Jamhariah Jaafar

SELEPAS bergelumang dengan kemelut sejak dua minggu lalu, akhirnya Pergerakan Wanita Umno berjaya meleraikan kekusutan hasil permuafakatan dan semangat setia kawan yang masih utuh.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, buat kali pertama sejak beliau diberi mandat mengetuai pergerakan itu tiga tahun lalu, mendengar luahan perasaan semua 25 anggota Exconya... yang ramai antara mereka tidak bersetuju dengan corak pentadbirannya selama ini.

Daripada senario yang kelihatan dari luar, keadaan di dalam bilik mesyuarat di tingkat 37 bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) milik Umno itu, kelihatan begitu hening apabila seorang demi seorang anggota Exco meluahkan perasaan masing-masing. Siti Zaharah dengan wajah yang serius kelihatan tunduk, tekun mendengar setiap patah perkataan yang keluar dari mulut anak buahnya.

Keluhan, perasaan tidak puas hati, dendam dan sakit hati diluahkan dan dilimpahkan secara telus dan terbuka dalam mesyuarat berkenaan. Kehadiran Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, jelas menjadi penawar untuk menyejukkan suasana dan memastikan perbincangan diadakan dengan penuh matang dan bertanggungjawab.

Bak kata Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar, mesyuarat hari ini adalah seperti 'biduk lalu kiambang bertaut' membawa makna semua masalah sudah berlalu dan kini masanya untuk bertaut kembali, melupakan segala sengkata dan perasaan tidak puas hati demi perpaduan Umno.

Kesempatan mesyuarat yang diadakan tanpa menggariskan sebarang agenda itu juga digunakan sepenuhnya oleh golongan yang menganggap diri mereka sering diketepikan Siti Zaharah, untuk meluahkan perasaan tidak puas hati, sakit hati dan kecil hati selama ini.

Dengan matlamat hanya satu ketika memasuki bilik mesyuarat pagi ini iaitu meluahkan perasaan dan kemudian mengetepikan sebarang perbezaan demi perpaduan parti, kumpulan berkenaan yang diketuai oleh Napsiah jelas memberi sokongan moral yang berjaya menaikkan semula martabat Wanita Umno.

Siti Zaharah dengan sokongan padu seluruh anggota Exco, menolak pertanyaan bertalu-talu pemberita mengenai perpecahan, usul undi tidak percaya dan perasaan tidak puas hati yang dilaporkan wujud di kalangan mereka.

Dengan serentak mereka berkata: "Semuanya telah selesai." Dan buat kali pertama masing-masing keluar dengan perasaan puas hati, senyuman yang bukan lagi dipaksa-paksa dan muka tidak lagi dicemikkan tanda tidak bersetuju dengan Ketuanya.

Seorang anggotanya, Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Rafaie, ketika ditemui selepas mesyuarat selama empat jam setengah itu, berkata semua pihak perlu menjadikan kejadian yang berlaku ini sebagai satu iktibar.

Sebagai seorang Ketua, katanya, Siti Zaharah perlu membuat keputusan dengan merujuk dulu kepada pihak yang terbabit bagi mengelakkan perasaan tidak puas hati.

"Saya tidak masuk parti sebab (Datuk Seri) Rafidah (Aziz) atau puak lain, kerana itu kalau ada sesuatu yang tidak kena, kita minta supaya dapat membela diri. Contohnya jika kita disingkir, apa sebabnya.

"Kepuasan diri tidak penting, apa yang hendak kita pastikan ialah kemenangan parti (pada pilihan raya). Jadi dalam kejadian ini bukan saja Siti Zaharah patut menjadikan ia satu iktibar, tetapi seluruh anggota Exco

juga patut belajar daripada pengalaman ini," kata Exco yang namanya turut disenarai untuk digugurkan dalam rombakan Exco Pergerakan Wanita Umno yang diumumkan Siti Zaharah dua minggu lalu.

Justeru, Dayang Mahani meminta barisan kepimpinan Wanita Umno supaya mengadakan lebih banyak rundingan dan musyawarah dalam membuat sebarang keputusan yang akan memberi kesan kepada masa depan pergerakan itu.

Iron Lady, Datuk Maznah Hamid, yang menimbul isu perpecahan dalam pergerakan itu berkata beliau bersyukur sekiranya telahannya itu silap.

Pergolakan yang dialami Pergerakan Wanita Umno bermula pada 2 Ogos lalu apabila Siti Zaharah, selepas pertemuan Exconya dengan Perdana Menteri (pada 30 Julai) mengumumkan rombakan yang menyaksikan beberapa ahli Exconya digugurkan, termasuk Ketua Wanita Negeri Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun, sekumpulan anggota Exco Wanita Umno yang diketuai Napsiah menemui Perdana Menteri sehari selepas itu membuat rayuan dan kemudian menyaksikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 4 Ogos, mengumumkan Siti Zaharah bersetuju menarik semula keputusan untuk membuat rombakan berkenaan dan tidak ada lagi sebarang rombakan sehingga selepas pilihan raya.

Keadaan semakin parah apabila Siti Zaharah mendiamkan diri dan timbul pula isu terdapat tiga puak di dalam pergerakan itu serta usul undi tidak percaya terhadapnya.

Bagaimanapun Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meredakan keadaan dengan meminta semua anggota Wanita dan Umno bertenang dan jangan membuat usul yang boleh memecahbelahkan perpaduan parti.

Walau apapun, ucapan maaf daripada Siti Zaharah kepada seluruh anggota Exconya yang diluahkan ketika ucapan pengerusinya pada mesyuarat hari ini, sedikit sebanyak berjaya menyejukkan keadaan.

Siti Zaharah perlu bekerja keras untuk menyatupadukan semula pergerakan ini dan pastikan tidak ada lagi anggota yang tidak berpuas hati dengan pemerintahnya sekarang.

Seperti katanya, pentas penentuan bagi mereka yang masih mempertikaikan kewibawaannya sebagai ketua ialah pada mesyuarat pemilihan Umno tahun hadapan.

"Tetapi buat masa ini tanggungjawab saya adalah untuk memastikan Umno terus kukuh dan mantap bagi menghadapi pilihan raya akan datang," katanya.

(END)